

**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERAK
NO. 17, JALAN RAJA DIHILIR, 30350 IPOH, PERAK**

TAWARAN SEBUT HARGA MEMBEKAL 65 UNIT PERALATAN KOMPUTER, 12 UNIT MESIN PENCETAK DAN 24 UNIT MESIN PENGIMBAS BARKOD UNTUK PENGGUNAAN SISTEM PERPUSTAKAAN KOHA PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERAK

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang 210101 atau 210102 atau 210103 atau 210109** untuk **Membekal 65 Unit Peralatan Komputer, 12 Unit Mesin Pencetak Dan 24 Unit Mesin Pengimbas Barkod Untuk Penggunaan Sistem Perpustakaan Koha Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak**. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli di Unit Pembangunan, Pengurusan dan Senggaraan ICT tanpa bayaran mulai tarikh **06 Oktober 2021 hingga 20 Oktober 2021**.

ARAHAN KEPADA PEMBEKAL

1. Borang tawaran sebut harga (Lampiran Q) dan lain-lain dokumen yang berkaitan hendaklah diisi dengan jelas dan lengkap.
2. Sila masukkan jumlah keseluruhan harga peralatan komputer dan mesin pencetak dalam borang tawaran sebut harga.
3. Sila masukkan tempoh penghantaran seperti yang dipersetujui dalam borang tawaran sebut harga (Lampiran Q)
4. Semua peralatan komputer dan mesin pencetak hendaklah dihantar terus ke Perpustakaan Desa Perpustakaan Negara Malaysia seperti dilampiran .
5. Harga adalah termasuk dengan bayaran pemasangan dan penghantaran peralatan.
6. Semua ruangan dalam **Borang Lampiran I** hendaklah diisi dengan jelas. Penyebut Harga dikehendaki menawarkan harga bagi semua item peralatan komputer dan mesin pencetak yang dinyatakan dalam **Borang Lampiran I**.
7. Semua peralatan komputer dan mesin pencetak yang dibekalkan adalah dalam keadaan yang baru.
8. Penyebut Harga hendaklah mengemukakan dokumen seperti berikut:
 - i. Lesen Perakuan Pendaftaran Perniagaan;

- ii. Lesen berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang **210101 atau 210102 atau 210103 atau 210109**;
 - iii. Penyata Bank (tiga bulan yang terakhir);
 - iv. Profail syarikat; dan
 - v. Lain-lain sijil yang berkaitan (jika ada).
9. Kegagalan Penyebut Harga mengemukakan dokumen dan maklumat yang betul boleh menyebabkan tawaran sebut harga ini tidak dipertimbangkan.
 10. Tawaran sebut harga yang tidak lengkap, tidak ditandatangani dan lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
 11. Tempoh sah laku tawaran sebut harga adalah 90 hari daripada tarikh tutup sebut harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik tawaran sebut harga sebelum tamat tempoh sah laku sebut harga.
 12. Setiap borang tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda "**Membekal 65 Unit Peralatan Komputer, 12 Unit Mesin Pencetak Dan 24 Unit Mesin Pengimbas Barkod Untuk Penggunaan Sistem Perpustakaan Koha Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak**" dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga di Unit Pentadbiran, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak, No. 17, Jalan Raja DiHilir, 30350 Ipoh, Perak.
 13. Tawaran Sebut Harga ditutup jam **12 tengah hari pada 20 Oktober 2021**. Tawaran yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
 14. Pihak PPANPk tidak terikat untuk menerima tawaran yang lebih rendah atau lebih tinggi atau serupa harganya dengan tawaran-tawaran lain.
 15. Penyebut Harga yang berjaya hendaklah bersetuju untuk menandatangani Surat Setuju Terima.
 16. Penyebut Harga yang tidak mengembalikan Surat Setuju Terima kepada PPANPk dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh penerimaan tawaran adalah dianggap tidak berminat dan tawaran tersebut terbatal dengan sendirinya.

10. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua Penyebut Harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan itu, Penyebut Harga diberi peringatan berikut:

1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang yang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Penyebut Harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
4. Mana-mana Penyebut Harga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).